



DZUL KARNAIN ABDULLAH

LATAR BELAKANG

Beliau mula meminati seni fotografi sejak berusia 7 tahun di mana beliau mula mempelajari selok belok seni fotografi melalui abang sulungnya yang merupakan seorang Jurufoto tegar. Setelah beliau menamatkan pengajiannya dalam bidang Penyiaran (*Broadcasting*) di Institusi Teknologi MARA (ITM) atau kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1990.

Selama 16 bekerja, beliau telah meraih pelbagai peluang dan pengalaman dari bidang ini. Antaranya beliau pernah bekerja sebagai Penerbit, Pengarah, Editor bagi Cinematic Sdn. Bhd dalam seksyen Dokumentari dan terlibat dengan produksi Dokumentari, Video Korporat, Laporan Video, edit Komersial Cinematic, Sitcom, Tele-Movie dan pelbagai lagi.

PENCAPAIAN

Kemuncak kerjaya beliau adalah ketika beliau mengarahkan produksi dalam merakam pembinaan Menara Berkembar PETRONAS yang digunakan oleh *National Geographic* dan *Discovery Channels* seperti *Mega Structures*, *Skyscrapers*, *Tall Buildings*, dan beberapa program yang berkaitan.

Beliau turut mengarah dalam dokumentari *The PETRONAS Twin Towers – A Vision Realised* yang ditayangkan di pintu masuk *Skybridge Tour*, aras *Concourse*, Menara Berkembar PETRONAS. Beliau juga menjadi Pengarah bagi dokumentari *Peninsular*

Gas Utilisation Project Phase-2 (PGU2 Project) yang ditayangkan di TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 14 December 1991.

Turut mengarah dalam video produksi bagi pembinaan beberapa mercu tanda dan projek mega di Malaysia seperti *Kuala Lumpur International Airport (KLIA)*, Masjid Wilayah Persekutuan, Pergau Dam, Pemprosesan dan Penapisan Tanaman PETRONAS, *Formula One (F1)* dan *PETRONAS MotoGP*, *All-Asian Satellite Television and Radio Operator (ASTRO)*, dan beberapa lagi.

Beliau merupakan Pensyarah di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem sejak tahun 2008 dan pada tahun 2017, beliau dilantik sebagai Dekan di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem dan akan bersara pada tahun 2024.